




**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **95 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **59,504 kes**. Tiada kes kematian direkodkan hari ini.
  
- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembah 111 menjadikan jumlah kumulatif 58,431 orang. Seramai 511 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 249 orang di hospital dan 262 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 38 orang dan 23 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Putatan dan Keningau berubah dari zon kuning ke zon jingga. Manakala daerah Semporna bertukar dari zon jingga ke zon merah.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah sembilan (9) daerah
- Zon Jingga tiga (3) daerah
- Zon Kuning tujuh (7) daerah
- Zon Hijau lapan (8) daerah

5 **Tiada kluster baharu** direkodkan hari ini.

6 Daripada 95 kes positif COVID-19, sebanyak 50 kes (52.6%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, 21 kes (22.1%) saringan bergejala, 13 kes (13.7%) dari kluster sedia ada serta 11 kes (11.6%) dari lain-lain kategori.

- 7 Jumlah kapasiti katil 3,899 unit
- Hospital 569 unit
  - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,910 unit
  - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.
- Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 13.11%.
- 8 Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam di Depot Tahanan Imigresen Sandakan telah ditutup bermula **17 Mei 2021 (Isnin)** untuk mengoptimumkan penggunaan sumber manusia serta sumber aset untuk menampung operasi pengurusan hospital yang berjalan seperti biasa.

## B KES INDEKS DARI LABUAN YANG MENCETUS PENULARAN DI SABAH

- 1 Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) melaporkan dua kes melibatkan pasangan suami isteri dari Wilayah Persekutuan Labuan yang masuk ke Sabah, kemudian mencipta kluster di daerah Tawau.
- 2 Kes indeks iaitu pasangan suami isteri dari Labuan telah menjalani saringan masuk ke Sabah pada 07 Mei 2021 didapati negatif ujian RTK Ag. Namun, setelah seminggu berada di daerah Tawau untuk berhari raya di Ladang Abaka, kes indeks yang mempunyai gejala pada 12 Mei 2021 kemudiannya disahkan positif COVID-19 pada 14 Mei 2021 dan telah menjangkiti sembilan (9) ahli keluarga serumah.
- 3 Kes kedua juga dari Labuan yang balik untuk berhari raya ke daerah Tawau pada 08 Mei 2021, kemudian disahkan positif COVID-19 pada 16 Mei 2021. Dalam tempoh tersebut, kes indeks yang menetap di kawasan ladang Kg Sg Imam, Tawau turut menziarahi keluarga di Taman Barkeley sekaligus menyebabkan jangkitan kepada 43 ahli keluarga.
- 4 Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri pada hari ini memutuskan untuk mengetatkan SOP kemasukan ke Sabah.

## C PERATURAN KEMASUKAN KE NEGERI SABAH

- 1 Pengambilan PCR Test dengan keputusan Negatif adalah diwajibkan bagi setiap individu yang ingin masuk ke Negeri Sabah.
- 2 Orang Bukan Asal Sabah yang ingin masuk ke Negeri Sabah dikehendaki untuk Kuarantin WAJIB 14 hari di hotel atas biaya sendiri.
- 3 Kemasukan ke Negeri Sabah bagi Pegawai-Pegawai Kerajaan adalah dibenarkan, tertakluk kepada pegawai yang mempunyai surat rasmi bertugas di Negeri Sabah.
- 4 Penduduk Asal Sabah / Penduduk Tetap & Pemegang Pass Kerja yang bermastautin di Sabah dikehendaki menjalani Kuarantin WAJIB 14 hari di rumah apabila masuk ke Negeri Sabah.
- 5 Senarai hotel yang telah ditetapkan sebagai pusat kuarantin adalah seperti di **Lampiran A**.
- 6 Sekiranya kapasiti Pusat Kuarantin tidak mencukupi, bilangan hotel akan ditambah dari masa ke semasa.
- 7 Tarikh perlaksanaan peraturan baru **berkuatkuasa bermula 20 Mei 2021**.

## D KEMASUKAN PELABUR ASING KE NEGERI SABAH

Orang Luar/Pelabur Asing yang ingin memasuki Negeri Sabah untuk tujuan melabur di negeri Sabah adalah DIBENARKAN melalui KEBENARAN KHAS dengan mengemukakan permohonan terlebih dahulu.

## E STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **64** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **56,349** orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **44** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **50,609** orang.

- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **1,767** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **33,564** orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2, **1,775** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **6,196** orang.
- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah 2,084 menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak **492,979** (mysejahtera 432,611 : laman web 60,126 : talian vaksinasi 242) bersamaan 16.8%.

## F **BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)**

Setakat hari ini, sejumlah **321,735** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

## G **LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 54 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 33,316 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 202 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 70 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak tujuh (7) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
  - Tujuh (7) orang : Tidak memakai pelitup muka
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 96 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 37 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, tiada tangkapan dibuat.

- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 222 lokasi melibatkan seramai 199 anggota APM.
- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 54 anggota di 40 lokasi.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di empat (4) premis, melibatkan empat (4) buah daerah iaitu di daerah Sandakan, Kinabatangan, Semporna dan Kota Marudu.

#### **H KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **97.5%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Beaufort	98%
2	Tenom	98%
3	Sipitang	98%
4	Beluran	98%
5	Kota Marudu	98%
6	Kudat	98%
7	Kinabatangan	97.5%
8	Keningau	97.5%
9	Lahad Datu	97.5%
10	Tuaran	97.5%
11	Kunak	97.5%
12	Kota Kinabalu	97.5%
13	Ranau	97.5%
14	Penampang	97%
15	Kota Belud	97%
16	Semporna	97%
17	Papar	97%
18	Sandakan	97%
19	Tawau	97%

- 2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

**Sekian.**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
18 MEI 2021**

**LAMPIRAN A**

NO	DAERAH	PUSAT KUARANTIN	TARIKH WARTA	KAPASITI KATIL	CATATAN
1	KOTA KINABALU	MONACO BOUTIQUE HOTEL	03.04.2020	39	
2	KOTA KINABALU	OYO HOTEL LUCKY ELEVEN	08.04.2020	45	
3	KOTA KINABALU	HOTEL CAPITAL	09.04.2020	91	
4	KOTA KINABALU	MING GARDEN HOTEL	03.04.2020	244	SWASTA
5	KOTA KINABALU	PAN PACIFIC SUTERA HOTEL	08.05.2020	403	SWASTA
6	KOTA KINABALU	MONACO BOUTIQUE HOTEL KG. AIR	3.04.2020	24	SWASTA
7	KOTA KINABALU	WINNER HOTEL	14.12.2020	47	SWASTA
8	KOTA KINABALU	CAPITAL EXPRESS	Belum diwartakan	30	SWASTA
9	KOTA KINABALU	PALACE HOTEL	Belum diwartakan	69	SWASTA
10	KOTA KINABALU	NEXUS KARAMBUNAI	14.12.2020	144	SWASTA
11	KOTA KINABALU	UNIC HOTEL	Belum diwartakan	33	SWASTA
12	KOTA KINABALU	SKY HOTEL	Belum diwartakan	130	SWASTA
13	KOTA KINABALU	SHANGRI-LA HOTEL	14.12.2020	120	SWASTA
14	KOTA KINABALU	MANDARIN HOTEL	08.05.2020	71	SWASTA
15	TAWAU	HOTEL MARCO POLO	20.04.2020	71	
16	KOTA KINABALU	DIAMOND INN HOTEL	08.04.2020	25	SWASTA
17	KOTA KINABALU	TOOJOU HOTEL	14.12.2020	63	SWASTA

**Catatan:** Swasta bermaksud hotel tersebut telah ditempah khas untuk pekerja dalam bidang luar pesisir (*offshore*), namun mana-mana individu yang bukan dalam bidang pekerjaan luar pesisir (*offshore*) boleh memohon untuk menjalani kuarantin di hotel tersebut tertakluk kepada persetujuan hotel.